

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BT SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh (Kuantan) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) jumlah keseluruhan pesakit yang menanti organ daripada penderma sehingga tahun 2014 dan bilangan penderma organ yang berdaftar;
- b) adakah Kementerian bersedia mengambil langkah berkesan bagi meningkatkan kadar pendermaan organ di Malaysia. Sekiranya ya, nyatakan langkah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 April 2014, jumlah pesakit yang sedang menunggu organ di Malaysia adalah seramai **18,436 orang** dengan pecahan seperti berikut:

- i. Buah pinggang : 18,403 orang
- ii. Hati (Liver) : 18 orang (11 dewasa, 7 kanak-kanak)
- iii. Jantung : 5 orang
- iv. Paru-paru : 6 orang
- v. Jantung & paru-paru : 4 orang

Jumlah penderma organ yang telah berikrar setakat 30 April 2014 adalah seramai 252,562 orang iaitu hanya sebanyak 0.88% daripada populasi penduduk di Malaysia. Daripada jumlah ini, 50.33% adalah daripada kaum Cina, 24.88% kaum India, 21.32% daripada kaum Melayu dan 3.47% daripada lain-lain kaum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kadar pendermaan organ di Malaysia. Bagi memperkasakan usaha sedang yang dijalankan, KKM telah merangka satu pelan Strategik Kempen Kesedaran Pendermaan Organ pada tahun 2012. Terdapat 6 strategi utama yang telah dirangka di bawah pelan strategik tersebut seperti berikut:

- Strategi 1: Mensasarkan golongan muda sebagai target utama kempen bagi memastikan penerimaan dalam jangka masa panjang selain meneruskan kempen secara menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat;
- Strategi 2: Menjalinkan jalinan kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan yang lain, badan bukan kerajaan, syarikat-syarikat GLC, sektor swasta dan individu berpengaruh di kalangan masyarakat;
- Strategi 3: Memperkuatkkan struktur organisasi perkhidmatan transplantasi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan efisien;

- Strategi 4: Menangani persepsi yang kurang tepat di kalangan masyarakat berkenaan pendermaan organ dari perspektif agama dan budaya;
- Strategi 5: Penggunaan media massa dan media sosial sebagai saluran penyebaran maklumat; dan
- Strategi 6: Mempertingkatkan kesedaran dan komitmen anggota-anggota kesihatan KKM

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian memohon agar ke semua usaha yang sedang dijalankan ini dapat disokong oleh semua pihak termasuk Yang Berhormat semua. Ini adalah penting bagi memastikan mesej berkaitan kepentingan pendermaan organ ini dapat diperluaskan kepada seluruh semua lapisan masyarakat demi kepentingan pesakit yang memerlukan.